

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIM GUAN ENG

TARIKH: 9 JUN 2014

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar gaji minima bulanan untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak berbanding dengan Penanda Garisan Kemiskinan, sebabnya gaji minima tidak diselaraskan dengan menaikkannya kepada RM 1,100 sebulan agar membantu 14 juta pekerja Malaysia dengan pengecualian sepanjang 5 tahun diberikan kepada pekerja asing di semua IKS.

PR-1322-L62188

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kadar gaji minimum berbanding Paras Kemiskinan mengikut wilayah adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kadar Gaji Minimum Berbanding Paras Kemiskinan Mengikut Wilayah

WILAYAH	KADAR (RM) PERINTAH GAJI MINIMUM 2012	PARAS GARIS KEMISKINAN (PGK) 2009
Semenanjung Malaysia	900	763
Sabah dan W.P Labuan	800	1048
Sarawak	800	912

2. Penetapan kadar gaji minimum dibuat oleh MPGN yang merupakan badan bebas yang dianggotai wakil majikan, wakil pekerja, pakar ekonomi, pakar dalam hal ehwal penggunaan, NGO dan ahli akademik dengan mengambil kira fakta dan statistik supaya ia tidak menjaskan struktur guna tenaga dan ekonomi.

3 Antara sebab gaji minimum pada kadar RM900 dan RM800 adalah selepas mengambilkira faktor-faktor berikut:

- (i) gaji penengah di negeri-negeri berkenaan adalah rendah iaitu RM577 bagi Sabah dan RM738 bagi Sarawak;
- (ii) tahap kemampuan majikan yang masih rendah kerana kebanyakan sektor perindustrian di Sabah dan Sarawak masih terlalu berintensifkan buruh.
- (iii) Kesan sekiranya gaji diselaraskan untuk peringkat awal pelaksanaan dasar gaji minimum adalah seperti berikut:

- a. kemungkinan majikan-majikan berkenaan akan menghadapi kesukaran kerana tidak mampu menanggung peningkatan kos operasi; dan
 - b. penutupan operasi oleh majikan kerana tidak mampu menanggung kos yang tinggi.
 - c. pekerja bakal kehilangan pekerjaan, sekaligus menimbulkan masalah pengangguran.
4. Penetapan gaji minimum yang ditetapkan sekarang adalah sebagai permulaan pelaksanaan dasar gaji minimum dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) pada masa ini dalam proses mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012.

Tuan Yang Di Pertua

5. Kerajaan pada masa sekarang tidak bercadang untuk mengecualikan pelaksanaan dasar ini kepada pekerja asing atas sebab-sebab berikut:

- (i) Mematuhi Konvensyen ILO No.100: *Equal Remuneration* yang mana telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1997.

- (ii) Bertentangan dengan seksyen 60L Akta Kerja 1955, seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah atau seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak yang tidak membenarkan sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing.
- (iii) Menjamin dan memelihara peluang pekerjaan rakyat tempatan agar tidak terjejas. Bagi mengelak majikan untuk mengambil pekerja asing dengan membayar kadar upah yang lebih rendah dari gaji minimum.